

03 OCT 1999

Abdullah-Isreal

MALAYSIA TIDAK CADANG UBAH DASAR MENGENAI ISREAL

KUALA LUMPUR, 3 Okt (Bernama) -- Kerajaan tidak bercadang membuat sebarang perubahan dalam dasar hubungan dengan Isreal, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Walaupun Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar bertemu Menteri Luar Tel Aviv, David Levy secara tidak rasmi di New York, minggu lepas, namun Malaysia masih tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Isreal, kata Abdullah.

"Bila kita hadir persidangan yang besar kita terjumpa dan bercakap dengan orang lain, takkanlah bila ternampak orang kita nak larikan diri," katanya kepada pemberita apabila ditanya mengenai pertemuan tidak rasmi Syed Hamid dengan Levy.

Beliau berkata demikian selepas mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Kongres Jalan Sedunia ke-21 di sini.

Bila ditanya mengapa pertemuan tidak rasmi itu diperbesarkan oleh pihak tertentu, Abdullah percaya perkara itu sengaja dipolitikkan memandangkan negara akan menghadapi pilihan raya umum tidak lama lagi.

Abdullah juga berkata, pertemuan Syed Hamid dengan Levy tidak mengkhianati rakyat negara ini.

Bila ditanya mengapa Syed Hamid perlu bertemu Levy sedangkan isu kedatangan pemain kriket Isreal beberapa tahun lepas masih menghantui fikiran sesetengah rakyat, Abdullah berkata: "Dia tak buat apa-apa perkara pun yang kita tahu akan mengkhianati rakyat."

Rakyat Malaysia perlu memahami dasar kerajaan berhubung Isreal, tambahnya.

-- BERNAMA

ARA PR